

ARKIB JANUARI 2005

:: 20 Januari 2005 :: Khamis ::

Sepanjang kesibukan saya sebulan yang lalu, rupa-rupanya telah banyak perubahan pada dunia yang telah berlaku. Akhir 2004, misalnya, tentu sekali tidak dapat kita lupakan peristiwa tsunami yang secara besar-besaran meragut nyawa-nyawa insan di Asia ini.

Dan rupanya juga, kedatangan 2005 ini juga memberi kesan fizikal kepada saya. Saya telah melangkah ke tahun-tahun tahap pra-kematangan - 30 an! Dan tentunya ia juga akan mengubah rancangan masa panjang saya, yang saya rencanakan setiap 10 tahun.

Dan kedatangan 2005 ini juga, menjadikan saya semakin sibuk. Dengan tanggungjawab yang perlu dibereskan di meja kerja saya di bilik empat segi ini, juga kehendak-kehendak diri yang berlumba-lumba mahu dibebaskan dari otak ini - tentunya membaca dan menulis.

Harap-harapnya tahun 2005 ini bakal mematangkan lagi fikiran akal dan hati saya....

:: 24 Januari 2005 :: Isnin ::

Menyambut Aidil Adha di Batu Pahat. Kampung isteri. Setelah sekian lama tak pulang beraya Aidil Adha di kampung, kerana hampir 3 tahun beraya luar dari kampung masing-masing. 2 kali di KL, dan sekali di Edinburgh.

Anak-anak pun membesar tanpa pernah melihat aktiviti korban. Kali ini, sengaja saya membawa Aqilah dan Ajmal untuk melihat sendiri bagaimana korban dilakukan. Oleh kerana si Aqilah sudah agak besar (4 tahun), maka pengalaman ini tidaklah begitu menakutkannya. Si Hadi (yang baru berusia 2 tahun), nampaknya agak ketakutan apabila melihat orang ramai 'mengasari si lembu'. Dan yang paling berkesan di hatinya, ialah tatkala si lembu menghembuskan nafas terakhirnya. Ada tiga ekor lembu yang dikorbankan pada hari tu, dan hanya seekor saja yang mampu dilihatnya.

Nampaknya setiap tahun perlulah saya bawa lagi anak-anak ke aktiviti korban ini lagi, dan akan menerangkan kepada mereka tentang kepentingan korban apabila mereka sudah dapat menerimanya....

:: 26 Januari 2005 :: Rabu ::

Thaipusam semalam. Tak ke mana-mana. Cuti, dan hanya boleh duduk di rumah. Takut nak keluar. Oleh kerana rumah amat berdekatan dengan Batu Caves, maka adalah lebih baik duduk di rumah. Tonton TV, bermain dengan anak-anak dan baca buku.

Alhamdulillah, untuk bulan Januari, saya sudah habis membaca 4 buah buku. Dan berazam mahu membaca sekurang-kurangnya 48 buah buku setahun. Namun begitu, bukanlah azam dengan kuantiti semata-mata. Seperti Shahaarom T.M. Sulaiman berkata di dalam bukunya, bahawa untuk pencinta buku, bukan hanya semata-mata

bilangan buku yang dibacanya, tetapi yang lebih penting ialah kualiti pembacaannya dan bagaimana ia membawa ilmu dari buku itu ke dalam hidupnya.

Saya amat menyintai buku. Isteri saya pun tahu. Malah kadang-kala dia juga cemburu dengan percintaan itu. Namun, cinta ini memang murni dan ikhlas. Kerana cinta pada buku memang tak akan mengecewakan saya. Kerana itulah saya cuba mengadaptasikan percintaan ini ke dalam alam maya, melalui bukuonline (yang telah diuploadkan pada 1 Januari yang lepas, tetapi kini ada masalah teknikal). Sehingga di bawa ke mimpi pagi tadi.

Harap-harapnya bukuonline cepat sembuh.....